

Hari Terbuka UNISSA dapat sambutan

Oleh Ak Zaki Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 FEB – Dalam usaha bagi memberikan gambaran dan pemahaman yang lebih jelas mengenai pelbagai program pengajian yang ditawarkan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan Hari Terbuka bagi Kampus Sinaut, hari ini.

Hari Terbuka tersebut juga bertujuan untuk memberikan maklumat secara terperinci tentang pelbagai aktiviti kokurikulum serta berpeluang berinteraksi secara langsung bersama tenaga akademik UNISSA.

Di samping itu, ia turut dihasratkan dapat mempromosikan Kampus Sinaut sekali gus memudahkan bakal pelajar yang berada di Daerah Tutong dan Belait.

Bagi Sesi Pengajian 2023/2024, UNISSA menawarkan pelbagai program pengajian di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah dalam pelbagai bidang akademik, termasuk Usuluddin; Syariah dan Undang-Undang; Bahasa Arab; Ekonomi dan Kewangan Islam; Pengurusan Pembangunan Islam; Teknologi Islam; Pertanian; Penyelidikan Mazhab Syafii; dan Penyelidikan *Halalan Thayyiban*

Program-program yang ditawarkan itu menarik minat para pemohon bukan sahaja dari dalam negara, malah dari luar negara. Apatah lagi kelulusan yang diperoleh dari UNISSA diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi antarabangsa dan mempunyai kedudukan yang setanding.

Turut menyertai Hari Terbuka UNISSA tersebut adalah wakil daripada Sistem Kemasukan

Berpusat Pengajian Tinggi (HECAS).

Pegawai Kerja iReady dari Pejabat Pengurusan Akademik UNISSA, Dayang Nurhamizah binti Ibrahim semasa ditemui pada acara tersebut mengongsikan bahawa Hari Terbuka yang diadakan itu merupakan kesinambungan daripada Hari Terbuka UNISSA yang diadakan pada 15 dan 16 Februari lalu di Kampus Gadong.

Menyentuh mengenai sambutan orang ramai terhadap Hari Terbuka yang julung kalinya diadakan di Kampus Sinaut itu, Dayang Nurhamizah menjelaskan ia mendapat sambutan yang baik dengan menyaksikan ramai pengunjung dari kalangan bakal pelajar yang datang bersama-sama ibu bapa dan penjaga mereka khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan berdekatan di Daerah Tutong dan Belait.

Menurut beliau lagi, semasa penganjuran Hari Terbuka itu juga diadakan jelajah kampus di mana para pengunjung berpeluang menyaksikan dengan lebih dekat tempat-tempat pembelajaran dan asrama penginapan yang ada di kampus berkenaan.



Orang ramai mendapatkan penerangan semasa Hari Terbuka di UNISSA Kampus Sinaut, kelmarin. – Gambar oleh Muiz Matdani

